



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	19/10/2019	MUKA SURAT	:	# 1
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

MANDI 3 MINIT SAHAJA UNTUK JAGA ALAM SEKITAR

Seorang pakar gaya hidup
lestari, Datuk Seri Dr Zaini
Ujang mencadangkan
supaya rakyat Malaysia
mandi tidak melebihi tiga
minit bagi memelihara
alam sekitar. **6**

**bicara
minda**

Tanya diri kita, kenapa kita masih mandi lebih daripada tiga minit. Saya ambil tiga minit kerana senang, airnya lebih kurang 10 liter.” Kata Dr Zaini pada program Bicara Minda Sinar Harian di Dewan Karangraf Shah Alam semalam.





KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	19/10/2019	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Usah mandi lebih tiga minit

Cara untuk orang ramai menyatakan komitmen memelihara alam sekitar

RIDAUDDIN DAUD

SHAH ALAM

Sekiranya anda mencintai dan ingin memelihara alam sekitar, janganlah mandi melebihi tiga minit, kata pakar gaya hidup lestari, Datuk Seri Dr Zaini Ujang.

Dr Zaini berkata, masyarakat di Malaysia kini masih tidak sensitif dalam penjagaan alam sekitar.

"Tanya diri kita, kenapa kita masih mandi lebih daripada tiga minit. Saya ambil tiga minit kerana senang, ia lebih kurang 10 liter.

"Mandi lebih 10 liter, secara tak langsung kita guna lebih banyak air. Lebih banyak air digunakan, semakin banyak

pokok terpaksa ditebang untuk menampung air, semakin banyak juga arus elektrik digunakan untuk mengalirkan air tersebut ke loji.

"Dari loji, air dihantar ke Shah Alam dan sebagainya. Maka kalau kita pakai sikit air, sikitlah penghasilan gas dan sebagainya," katanya pada program Bicara Minda *Sinar Harian* di Auditorium Karangkraf di sini semalam.

Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air itu turut mempersoalkan ko-

mitmen rakyat Malaysia dalam menjaga alam sekitar.

"Persoalan yang saya timbulkan, sejauh mana komitmen kita?

"Kalau tidak, kita umpama cakap dengan bukit, kita banyak buat macam itu sekarang. Kita marah orang sana, marah orang sini," katanya.

Jelas beliau, pendekatan yang paling baik dalam menjaga alam sekitar adalah dengan mendidik masyarakat supaya mencintainya dan bukan melalui perundangan.

"Saya rasa kita terlalu banyak pergi kepada perundangan yang akhirnya untuk kita buktikan kesalahan itu tidak semudah disangka. Walaupun terbukti bersalah atau boleh dibawa ke pengadilan, ia ambil masa sangat lama, akhirnya tidak beri kesan besar.

"Sebab itu saya ambil pendekatan lain, kaedah yang lebih baik adalah kita menghargai betapa perlunya udara segar, nyaman untuk kebaikan bersama dari segi pelancongan dan kesihatan," katanya.

DR ZAINI



>>> **TRANSKRIP
BICARA MINDA
DI MUKA 12**